



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



## **SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN 2016**

**PENYELIDIKAN TINDAKAN MEREALISASIKAN  
ASPIRASI PENDIDIKAN**

**ANJURAN PELAJAR PISMP AMBILAN JANUARI 2013**

**DIRASMIKAN OLEH:  
DR MOHD SUHAIMI BIN MOHAMED ALI  
PENGARAH, IPG KAMPUS ILMU KHAS**

INSTITUT PENDIDIKAN GURU  
KAMPUS ILMU KHAS  
JALAN YAACOB LATIF, CHERAS  
56000 KUALA LUMPUR,  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

**DEWAN DATO' RAZALI ISMAIL  
20 OKTOBER 2016**

*SEKALUNG PENGHARGAAN*



**JAWATANKUASA INDUK DAN JAWATANKUASA PELAKSANA  
SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN 2016  
PISMP AMBILAN JANUARI 2013  
IPG KAMPUS ILMU KHAS,  
WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR**

Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih  
di atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan oleh semua pihak yang  
terlibat dalam menjayakan seminar ini.



**PENGARAH  
IPG KAMPUS ILMU KHAS  
WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat memberi kekuatan kepada para siswa guru Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas untuk menganjurkan Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP Ambilan Januari 2013 pada tahun 2016 ini. Terima kasih dan syabas kepada Jawatankuasa Seminar Penyelidikan Siswa Guru dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung bagi menjayakan Seminar Penyelidikan Tindakan 2016.

Seminar ini patut diberikan tumpuan yang sewajarnya di peringkat institusi keguruan. Program seumpama ini mampu menyumbang kepada usaha meningkatkan perkembangan profesionalisme keguruan melalui perkongsian dapatan kajian, terutamanya dalam kalangan siswa guru. Saya berasa gembira kerana dapatan kajian tindakan turut dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan. Saya difahamkan satu prosiding turut diterbitkan dalam seminar ini. Penerbitan sebegini membolehkan dapatan kajian didokumentasikan untuk dikongsikan kepada semua warga pendidik.

Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jawatankuasa Seminar Penyelidikan Tindakan 2016 anjuran siswa guru PISMP Ambilan Januari 2013 kerana telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menjayakan seminar dan menyiapkan penerbitan ini. Semoga usaha ini akan berterusan.

Selamat Maju Jaya dan Tahniah.

**Dr. MOHD SUHAIMI BIN MOHAMED ALI**



**KETUA JABATAN PENDIDIKAN MUZIK  
IPG KAMPUS ILMU KHAS  
WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Semester 2 tahun 4 Ambilan Januari 2013 kerana berjaya menyiapkan kajian masing-masing bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian.

Penyelidikan merupakan usaha yang dapat membina keupayaan intelek dan menambah baik inovasi pädagogi agar penyelesaian bagi masalah pengajaran dan pembelajaran dapat diteruskan seiring dengan perubahan dalam amalan pendidikan. Seminar ini juga membolehkan kajian terkini dalam bidang pädagogi dan inovasi pengajaran dan pembelajaran berasaskan penyelidikan dapat dikongsi bersama dengan para penyelidik yang merupakan pemain utama' dalam membangunkan kecemerlangan guru.

Usaha meningkatkan kualiti guru akan memberi impak besar terhadap pembangunan profesionalisme keguruan seiring dengan arus perubahan pendidikan pada masa ini. Saya yakin melalui seminar ini, input dapatan kajian dan penemuan inovasi baharu akan dapat menjadi landasan perkongsian strategik untuk membangunkan kualiti perguruan. Diharapkan seminar ini juga dapat menyuntik semangat kepada pendidik untuk terus berjuang bagi memacu kegemilangan dalam dunia pendidikan.

**JAMALUDIN BIN TEH IBRAHIM**

## **PEMBENTANG POSTER SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN IPGKIK 2016**

### **PENDIDIKAN KHAS**

Chitiramathiee A/P R Manikam  
Deviga A/P Munusamy  
Siti Noraniza Binti Idris  
Zalikha Binti Zulkifli  
Cheng Si Jing  
Chew Jing Hua

### **PENDIDIKAN MUZIK**

Wan Nurhakimah Balqis Binti Abd Wahab @ Wan Abdul  
Lau Yee Ting  
Tee Yong Lai  
Tan Xin Yu  
Suhaila Binti Zamiran  
Ooi Pei Ling

### **PENDIDIKAN SENI VISUAL**

Mohammad Irfan Mustaqim Bin Ariffin  
Radiyah Nur Baya Binti Budiman

### **TESL**

Chea Ru Yi  
Nur Wahidah Binti Husain  
Henusha A/P Suthesan  
Ooi Wei Zhuang  
Hidayati Izzati Binti Osman  
Nur Syamila Izzati Binti Azhar  
Muhammad Hakim Bin Azaman@Azman  
Muhamad Izzat Bin Ruslim  
Khairun Najwa Binti Zaradi  
Stephanie Nyssa Gomez

## **ABSTRAK PEMBENTANG KE-9**

USING SHARED READING TO IMPROVE YEAR 3 JUJUR PUPILS' READING  
COMPREHENSION SKILL

NORHIDAYAH BINTI ZULKIPELI  
PENGKHUSUSAN TESL

IPG KAMPUS ILMU KHAS, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR.

### **ABSTRACT**

Comprehension is the most important goal of reading. The preliminary investigation conducted showed that pupils were not able to comprehend reading text given to them. Hence, this action research offers a strategy to help pupils improve their reading comprehension skill using shared reading. The focus of the investigation is to determine whether pupils' reading comprehension skill can be improved through the use of shared reading strategy. A few sessions of intervention were carried out in the classroom aimed to help pupils in improving their reading comprehension skill. To address this, pre-post tests, formative tests and interviews were administered to five participants of this research in order to know the effectiveness of the intervention upon the pupils. The findings revealed that the shared reading strategy helped the participants to improve their reading comprehension skill.



**PENGERUSI JAWATANKUASA KERJA  
SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN 2016  
PISMP AMBILAN JANUARI 2013  
IPG KAMPUS ILMU KHAS  
WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa pelaksana atas komitmen dan tanggungjawab yang dijalankan untuk menjayakan seminar ini. Seajar dengan seminar yang bertemakan 'Penyelidikan Tindakan Merealisasikan Aspirasi Pendidikan', harus diakui bahawa penyelidikan tindakan yang dijalankan mampu memberi impak yang besar terhadap amalan profesionalisme pendidikan dalam mencapai aspirasi pendidikan sebagaimana yang tercatat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Setiap idea inovatif yang dihasilkan diharap dapat dimanfaatkan oleh semua pihak bagi mencapai kecemerlangan pendidikan negara lebih-lebih lagi dalam pembelajaran abad ke-21.

Tahniah diucapkan kepada semua siswa guru PISMP Ambilan Januari 2013 yang telah mengambil bahagian dalam seminar penyelidikan tindakan ini. Semoga perkongsian ilmu daripada hasil penyelidikan ini dapat meningkatkan kualiti pengajaran ke tahap maksimum dari semasa ke semasa.

Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada para pensyarah dari Jabatan Pendidikan Muzik dan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan kerana memberi sepenuh kepercayaan kepada saya untuk menggalas tanggungjawab ini. Kerjasama dan tunjuk ajar yang diberikan amat membantu saya dalam melaksanakan tugas ini dengan sebaik mungkin.

Akhir kata, ingin saya memetik kata-kata bijak bestari iaitu;

Ibarat orang yang berilmu;

"Jika menjadi pohon, biarlah dapat ditumpangi teduhnya"

"Jika menjadi buah, biarlah dapat dimakan isinya"

"Jika menjadi perigi, biarlah boleh diminum airnya"

Sekian, terima kasih.

**MUHAMMAD RIDHUAN BIN NASIR @ ABDUL GHANI**

# RASIONAL DAN OBJEKTIF

## SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN IPGKIK 2016

### PENGENALAN

Penganjuran dan pembentangan kertas penyelidikan di seminar di Institut Pendidikan Guru merupakan tugas yang perlu dilaksanakan oleh siswa guru PISMP Semester 2 Tahun 4. Selain dari penganjuran seminar, siswa guru juga dikehendaki membentangkan kertas penyelidikan, mendokumentasikan dan menerbitkan artikel penyelidikan tindakan. Pelaksanaan seminar ini dapat meningkatkan kualiti graduan Ijazah Sarjana Muda Perguruan apabila mereka berkhidmat kelak.

### RASIONAL

Penyelidikan tindakan merupakan salah satu cara mewujudkan amalan refleksi secara sistematik berdasarkan pengalaman guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Amalan ini dapat membantu guru menambah baik pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah. Justeru, seminar ini diadakan bagi memberi peluang kepada siswa guru untuk mengurus dan mengendalikan seminar. Seminar ini juga dilihat sebagai nilai tambah kepada aktiviti kurikulum akademik siswa guru di IPGKIK. Pengalaman mengendalikan seminar ini akan menyediakan siswa guru ke arah menjadikan Penyelidikan Tindakan sebagai satu amalan dan sebahagian daripada tanggungjawab guru di sekolah.

### OBJEKTIF

Secara amnya, seminar penyelidikan ini berhasrat untuk :

- ◆ Melatih siswa guru mengurus seminar penyelidikan
- ◆ Melatih siswa guru berkongsi dapatan kajian tindakan
- ◆ Memberi peluang siswa guru terpilih dari setiap bidang untuk membentangkan kajian tindakan
- ◆ Memperkaya dan mempelbagaikan pengalaman siswa guru

### BIDANG FOKUS

Siswa guru Seminar Penyelidikan Tindakan 2016 IPGKIK terdiri daripada :

- ◆ Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL)
- ◆ Pendidikan Muzik
- ◆ Pendidikan Seni Visual
- ◆ Pendidikan Khas Masalah Pemulihan
- ◆ Pendidikan Khas Masalah Penglihatan
- ◆ Pendidikan Khas Masalah Pendengaran

### ABSTRAK PEMBENTANG KE-8

MENINGKATKAN KEKEMASAN KARYA RENJISAN DAN PERCIKAN DENGAN MENGAPLIKASIKAN 'SKEC' BAGI MURID TAHUN 3 ZAMRUD SK ST. GABRIEL

SAHRUL HAFIZI BIN AZMI

PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN SENI VISUAL

IPG KAMPUS ILMU KHAS, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR.

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membantu meningkatkan kemahiran renjisan dan percikan dengan mengaplikasikan SKEC pada murid tahun tiga. Kajian ini menggunakan model Kurt Lewin yang mengandungi empat langkah kajian iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Peserta kajian terdiri daripada enam orang murid lelaki SK St. Gabriel yang berumur 10 tahun. Data dikutip menggunakan kaedah pemerhatian, ujian diagnostik, ujian pra dan ujian pasca serta kaedah soal selidik. Data dianalisis dan diinterpretasikan dalam bentuk grafik, graf palang dan jadual. Tinjauan awal mendapati bahawa peserta kajian tidak dapat menghasilkan karya renjisan dan percikan dengan kemas. Fokus kajian ini ialah membantu murid bagi meningkatkan kekemasan karya dengan mengaplikasikan SKEC. Dapatan kajian menunjukkan objektif khusus tercapai apabila dapat mengenalpasti masalah peserta kajian semasa membuat sesi refleksi selepas PdP dijalankan. Pengkaji mendapati terdapat peningkatan dalam menghasilkan karya teknik renjisan dan percikan selepas mengaplikasikan SKEC. Keenam-enam peserta kajian dapat memberikan respon yang positif selepas mereka mengaplikasikan SKEC setelah aktiviti renjisan dan percikan dijalankan. Pengkaji mencadangkan pengaplikasian kit SKEC ini dapat dikembangkan sebagai satu alat inovasi dan BBM guru semasa aktiviti ini dijalankan. Penggunaan SKEC ini sangat berkesan terhadap murid tahap satu dan murid berpendidikan khas yang mempunyai masalah dalam penghasilan karya teknik ini.

## ABSTRAK PEMBENTANG KE-7

THUMBY-THUMBY: MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMAIN DAN MENCIPTA CORAK IRAMA MENGGUNAKAN ALAT PERKUSI DALAM KALANGAN MURID TAHUN EMPAT

WONG XI YING

PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN MUZIK

IPG KAMPUS ILMU KHAS, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR.

### ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan untuk meningkatkan kemahiran bermain dan mencipta corak irama menggunakan alat perkusi dalam kalangan murid tahun empat dengan kaedah *Thumby-thumby*. Fokus kajian ini adalah untuk meningkatkan kemahiran pengenalan not, permainan dan penciptaan corak irama murid. Peserta kajian terdiri daripada 40 orang murid tahun 4. Antaranya, terdapat 17 orang murid lelaki dan 23 orang murid perempuan. Analisis data awal menunjukkan bahawa murid menghadapi masalah dalam menyatakan nama dan nilai not, permainan dan penciptaan corak irama. Justeru, kaedah *Thumby-thumby* dihasilkan untuk mengatasi isu-isu ini. Kaedah ini telah menggabungkan idea Kodaly, Orff dan Dalcroze berdasarkan teori kecerdasan pelbagai. Sebanyak dua kitaran telah dilakukan. Kitaran satu dijalankan dengan empat aktiviti manakala kitaran dua dijalankan dengan dua aktiviti. Setiap aktiviti mengambil masa 30 minit. Antara kaedah pengumpulan data yang dipilih ialah penilaian, pemerhatian, dokumen analisis dan temu bual. Dapatan ujian pra dan pasca serta ujian amali menunjukkan kemahiran pengenalan jenis not, permainan dan penciptaan corak irama murid telah meningkat selepas tindakan dilaksanakan. Saya mendapati murid mudah belajar konsep corak irama dengan penggunaan ikon dan pergerakan. Pembelajaran secara berkumpulan turut mempercepatkan pembelajaran murid. Namun, murid berasa bosan kerana permainan yang sama telah dilakukan dalam setiap aktiviti. Saya mencadangkan penerapan kaedah *sounds story* Orff dalam kaedah *Thumby-thumby* agar aktiviti yang dijalankan adalah lebih menarik. Sistem nama not *America-english* yang tidak berunsur penomboran juga harus digunakan.

## SENARAI JAWATANKUASA INDUK SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN IPGKIK 2016

Penaung	:	Dr. Mohd Suhaimi Bin Mohamed Ali
Penasihat 1	:	Dr. Norherani Binti Moning
Penasihat 2	:	Dr. Syed Ismail Bin Syed Mustapa
Pengerusi	:	En. Jamaludin Bin Teh Ibrahim
Timbalan Pengerusi	:	Dr. Lim Zek Chew
Penyelaras	:	Dr. Ismail Raduan
Prosiding	:	Dr. Lee Leh Hong
Persembahan	:	Pn. Edna Wellington
Jamuan	:	Pn. Rozaina Abdul Razak
Persiapan Pentas	:	Pn. Faridah Anum Binti Abdul Wahid
Jemputan, Sambutan & Protokol	:	Cik Chang Siew Yeng
Teks Ucapan & Kata Aluan	:	Pn. Rosei Sheerin Binti Mahpor
Sijil & Cenderamata	:	Cik Ong Siow Kim
Pengurusan Pembentangan	:	Pn. Woo Shiow Ling
Majlis Pembukaan & Penutupan	:	En. Ahmad Subki Bin Miskon
Pengatucaraan Majlis & Bacaan Doa	:	Ustaz Mohd. Aminuddin Ab Rahaman
Buku Program	:	Dr. Ramesh Rao a/l Ramanaidu
Pendaftaran	:	Dr. Jeya a/p Velu
Teknikal & Rakaman Video	:	En Mohd Sabrinordin Bin Mohd Yusof
Publisiti & Seranta	:	Pn. Lee Lay Hwa

# SENARAI JAWATANKUASA PELAKSANA

## SEMINAR PENYELIDIKAN TINDAKAN IPGKIK 2016

Pengerusi	:	Muhammad Ridhuan Bin Nasir @ Abdul Ghani
Timbalan Pengerusi	:	Suhaila Binti Zamiran
Setiausaha	:	Lim Shu Tian
Penolong Setiausaha	:	Koy Ke Chun
Bendahari	:	Ooi Pei Ling
Penolong Bendahari	:	Asraf Harun Bin Narasid
Prosiding	:	Mangkayakarasi a/p Palani
Persembahan	:	Abdul Hakim Bin Zulzaimi
Jamuan	:	Lee Su Ming
Persiapan Pentas	:	Norsani Bin Mohd Saad
Sambutan	:	Nur Afiqah Binti Muzakar
Teks Ucapan Pengarah	:	Kausilya a/p Subramaniam
Penyelaras Majlis Perasmian & Penutupan	:	Nursaleha Binti Abdul Majid
Sijil & Cenderamata	:	Nurhazirah Binti Omar
Penyelaras Sesi Seminar	:	Tan Xin Yu
Sambutan	:	Nur Afiqah Binti Muzakar
Bacaan Doa	:	Muhamad Faris Bin Ismail
Buku Program	:	Syafawani Binti Jamil
Pendaftaran & Kehadiran	:	Thanalaxmi a/p Ravi
Alat Siaraya	:	Goh Jing Lun
Gambar & Rakaman Video	:	Cheng Si Jing
Teknikal	:	Vanitha a/p Subramaniam

### ABSTRAK PEMBENTANG KE-6

MENINGKATKAN TAHAP PENGUASAAN MURID BERPENGLIHATAN TERHAD TAHUN DUA DALAM KEMAHIRAN MEWAKILKAN NILAI WANG SYILING SEHINGGA RM1 DAN APLIKASINYA MENGGUNAKAN KIT KONSEP DAN APLIKASI WANG, KIT-KAW

DAYANG NUR FARAHANY BINTI AWANG SULAIMAN  
PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENGLIHATAN  
IPG KAMPUS ILMU KHAS, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR.

#### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan tindakan dalam meningkatkan kemahiran murid berpenglihatan terhad mewakili nilai wang syiling sehingga RM1 dan mengenal pasti ciri-ciri yang ada pada aktiviti simulasi yang boleh membantu murid mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dalam kehidupan sebenar. Kajian ini dijalankan ke atas seorang murid berpenglihatan terhad tahun 2 dengan menggunakan Kit Konsep dan Aplikasi Wang, KIT-KAW dan pelaksanaan aktiviti simulasi dalam pembelajaran teori konstruktivisme. Pemerhatian telah dijalankan sepanjang pelaksanaan tindakan. Ujian pra, ujian pasca dan lembaran kerja digunakan untuk mengumpul data mengenai tahap penguasaan murid manakala pemerhatian turut serta dan temu bual separa berstruktur dijalankan untuk mengumpul data mengenai ciri-ciri aktiviti simulasi. Dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan KIT-KAW berupaya meningkatkan kemahiran murid mewakili nilai wang syiling sehingga RM1. Ciri-ciri aktiviti simulasi yang dikenal pasti ialah memotivasikan murid, menghubungkan pembelajaran dengan realiti, memberi kebebasan membuat keputusan, menunjukkan proses tindakan jual beli dan memberikan cabaran. Refleksi kajian mendapati penggunaan manipulatif fizikal, visualisasi diagramatik, penyusunan objektif pembelajaran yang bersesuaian berkesan membantu murid namun manipulatif yang digunakan kurang fleksibel. Aktiviti simulasi juga kurang realistik. Cadangan tindakan susulan ialah penghasilan aplikasi elektronik KIT-KAW dan aktiviti simulasi yang lebih realistik.

## ABSTRAK PEMBENTANG KE-5

MENINGKATKAN KEMAMPUAN MENGGUNAKAN KATA ADJEKTF DALAM KALANGAN MURID MASALAH PENDENGARAN TAHUN 3 MENGGUNAKAN PiDaPe

SYARIFAH NURSOLLEHATUN BINTI SYED MOHAMED KHER  
PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN KHAS MASALAH PENDENGARAN  
IPG KAMPUS ILMU KHAS, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR.

### ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kebolehan menggunakan kata adjektif dalam kalangan murid masalah pendengaran Tahun 3 menggunakan PiDaPe. Secara khususnya, kajian ini adalah untuk melihat kebolehan peserta kajian mengeja kata adjektif dan melengkapkan ayat menggunakan kata adjektif yang betul menggunakan PiDaPe. PiDaPe adalah singkatan untuk Pinggan dan Penyepit. Selain itu, kajian ini juga ingin melihat bagaimana penerapan unsur belajar sambil bermain dapat membantu mereka meningkatkan kebolehan menggunakan kata adjektif. Kajian ini telah melibatkan tiga orang murid lelaki sebagai peserta kajian. Tinjauan awal mendapati semua peserta kajian tidak dapat mengeja dan gagal melengkapkan ayat dengan kata adjektif yang betul. Fokus utama kajian ini adalah untuk menentukan sejauh mana penggunaan PiDaPe dan penerapan unsur belajar sambil bermain dapat membantu mereka meningkatkan kebolehan menggunakan kata adjektif. Peserta kajian menghasilkan sendiri PiDaPe dengan menggunakan pinggan kertas, kad gambar, penyepit dan kad huruf. Setiap kali proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, peserta kajian telah menggunakan PiDaPe sebagai bahan bantu belajar. Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah ujian, analisis dokumen dan temu bual. Analisis dapatan kajian menunjukkan berlakunya peningkatan dalam keputusan ujian pasca dan lembaran kerja berbanding ujian pra. Peserta kajian telah dapat menggunakan kata adjektif dengan betul. Oleh itu pengkaji mencadangkan supaya kajian ini diperluaskan lagi dengan membuat enamambahbaikan terhadap penggunaan PiDaPe iaitu mengintegrasikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), penggunaan bahan yang lebih praktikal dan PiDaPe digunakan dalam pengajaran golongan kata yang lain.

## ATURCARA

- 8.00 pagi : Pendaftaran
- 8.30 pagi : Ucaptama oleh YBrs. Dr. Mohamed Yusoff bin Mohd Nor  
Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia  
Penyampaian Cenderamata kepada Pengucap Utama
- 9.30 pagi : Persembahan  
Rehat/Sarapan Pagi
- 10.00 pagi : Pembentang 1 Nurhidayah bt. Khairol Anuar IPGK Pendidikan Islam Pengajian Agama
- Pembentang 2 Hung Jun Fang IPGK Bahasa Antarabangsa TESL
- Pembentang 3 Fatin Noor Liyana binti Mohd Lutfi IPGK Bahasa Melayu Pend. Awal Kanak-Kanak
- Pembentang 4 Kasduri a/p Patrick IPGK Ilmu Khas Pend. Khas Masalah Pemulihan
- Pembentang 5 Syarifah Nursollehatun binti Syed Mohamad Kher IPGK Ilmu Khas Pend. Khas Masalah Pendengaran
- Pembentang 6 Dayang Nur Farahany binti Awang Sulaiman IPGK Ilmu Khas Pend. Khas Masalah Penglihatan
- Penyampaian Cenderamata dan Sijil kepada Pembentang
- 1.00 petang : Rehat/Makan Tengah hari
- 2.00 petang : Pembentang 7 Wong Xi Ying IPGK Ilmu Khas Pend. Muzik
- Pembentang 8 Sahrul Hafizi bin Azmi IPGK Ilmu Khas Pend. Seni Visual
- Pembentang 9 Norhidayah binti Zulkipeli IPGK Ilmu Khas TESL
- 3.30 petang : Ketibaan Pengarah IPGKIK diiringi oleh Ketua-ketua Jabatan & Ketua-ketua Unit IPGKIK  
Nyanyian Lagu Negaraku, Lagu Wilayah Persekutuan & Lagu IPGM  
Bacaan Doa  
Ucapan alu-aluan Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Seminar  
Ucapan Majlis Perasmian Penutupan Pengarah  
Penyampaian Cenderamata dan Sijil kepada Pembentang IPGKIK  
Penyampaian Prosiding  
Persembahan Penutupan
- 4.30 petang : Majlis Bersurai





**KEYNOTE SPEAKER**

**Dr. MOHAMED YUSOFF BIN MOHD NOOR**

**LECTURER FACULTY OF EDUCATION**

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Email : yusoff1963@ukm.edu.my

**BIODATA**

Mohamed Yusoff begins his career as a teacher in 1989. After 7 years he moved on to be an Assistant Director at Educational Planning and Research Division (EPRD), Ministry of Education (MOE) Malaysia, until he moved to National Institute of Educational Leadership and Management (IAB) 2006 until 2011. He joined Project Management Office (PMO) from 2011 until 2014. He is currently a Senior Lecturer at Department of Educational Leadership and Policy Studies, Faculty of Education, UKM. He obtained his Bachelor's Hons from University Malaya, Master from UPM and a doctorate from UM in Policy Analysis and Educational. His areas of expertise includes Educational Administration, Educational Leadership, Educational Program Evaluation, Educational Policy Evaluation, Teachers' professionalism, Teaching and Learning, Teaching Pedagogy and Research Methodologies. He has published 3 books on school management and several leadership and management related articles in various journal and proceedings. He was also involved in various research and consultancy projects with government and non-government agencies, including preparing and reviewing Educational Administration Modules for University of Malaya, Open University Malaysia, and Cyberjaya University College of Medical Education (CUCMS.)

**ABSTRAK PEMBENTANG KE-4**

TEKNIK PENGGUNAAN BUKU GARIS EMPAT UNTUK MENINGKATKAN KEKEMASAN  
TULISAN MURID PEMULIHAN TAHUN 2

KASDURI A/P PATRICK

PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN KHAS MASALAH PEMULIHAN  
IPG KAMPUS ILMU KHAS, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR.

**ABSTRAK**

Kajian tindakan ini dijalankan untuk meningkatkan kekemasan tulisan dengan menggunakan buku garis empat yang dihubungkan dengan *alphabet patterns* dalam kalangan murid pemulihan. Seramai tiga orang peserta kajian dari Tahun 2 yang terdiri daripada dua orang murid lelaki dan seorang murid perempuan yang mempunyai masalah kekemasan tulisan. Dapatan tinjauan awal mendapati ketiga-tiga peserta kajian kerap melakukan kesalahan ketika menulis dan menyebabkan tulisannya sukar untuk dibaca. Oleh sebab itu, peserta kajian diperkenalkan dengan kaedah penggunaan buku garis empat yang dihubungkan dengan *alphabet patterns* bagi mengurangkan kesalahan ketika menulis yang turut mempengaruhi kekemasan tulisan. Data yang dikumpul melalui pemerhatian berstruktur, soal selidik, ujian awal dan ujian akhir. Hasil analisis data mendapati bahawa kesemua peserta kajian menunjukkan peningkatan markah yang memberansangkan dalam ujian akhir berbanding dengan ujian awal. Skor yang diperolehi oleh peserta kajian dalam ujian akhir adalah 86%, 70% dan 42%, iaitu peratus yang baik jika dibandingkan dengan keputusan ujian awal, iaitu 38%, 30% dan 14%. Keputusan kajian menunjukkan bahawa buku garis empat ini sangat berkesan dalam membantu murid pemulihan untuk meningkatkan kekemasan tulisan. Daripada hasil kajian ini, penyelidik mencadangkan penggunaan buku garis empat ini dapat dijalankan dengan menekankan cara memegang pensil yang betul pada kajian yang seterusnya.

### **ABSTRAK PEMBENTANG KE-3**

KIT BUKU NOMBOR MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS NOMBOR 1 HINGGA 10  
DALAM KALANGAN MURID-MURID PRASEKOLAH

FATIN NOOR LIYANA BINTI MOHD. LUTFI  
PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK  
IPG KAMPUS BAHASA MELAYU, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR.

#### **ABSTRAK**

Tujuan penyelidikan tindakan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran menulis nombor 1 hingga 10 dengan menggunakan Kit Buku Nombor dalam kalangan murid-murid prasekolah. Terdapat lima orang peserta kajian yang terdiri daripada murid-murid prasekolah di sekitar Bandar Baru Sri Petaling telah dipilih berdasarkan ujian diagnostik awal, pemerhatian dan analisis dokumen yang telah dijalankan. Pelaksanaan intervensi bagi kajian ini dijalankan sebanyak empat kali dengan menggunakan intervensi Buku Doh Nombor, Buku Jalan Raya Nombor, Buku Arah Anak Panah Nombor serta Buku Menulis Nombor. Data yang dikumpulkan dalam kajian ini ialah melalui kaedah ujian, pemerhatian, dan analisis dokumen bagi lembaran kerja. Hasil dapatan kajian melalui senarai semak menunjukkan bahawa penggunaan Kit Buku Nombor telah membantu kelima-lima peserta kajian untuk kemahiran menulis nombor 1 hingga 10 mengikut cara yang betul. Ini dapat dibuktikan melalui peningkatan jumlah peratusan yang telah diperolehi dalam analisis ujian bertulis bagi keempat-empat sesi intervensi yang telah dilaksanakan. Justeru itu, bahan inovasi Kit Buku Nombor ini sangat sesuai dan berkesan untuk membantu murid-murid prasekolah dalam meningkatkan kemahiran menulis nombor 1 hingga 10 mengikut cara yang betul.



# ABSTRAK

# PEMBENTANG



### **ABSTRAK PEMBENTANG KE-1**

PENGGUNAAN E-KOMIK MEMBANTU MURID TAHUN 5 MENJELASKAN ISI KANDUNGAN  
PIAGAM MADINAH

NORHIDAYAH BINTI KHAIROL ANUAR  
PENGKHUSUSAN PENGAJIAN AGAMA  
IPG KAMPUS PENDIDIKAN ISLAM, BANGI, SELANGOR.

### **ABSTRAK**

Kajian tindakan ini bertujuan membantu murid tahun lima di sebuah sekolah di Bandar Baru Bangi bagi menjelaskan isi kandungan Piagam Madinah yang merupakan asas ketiga Pembentukan Madinah di samping mengubah amalan guru dalam pengajaran dan pembelajaran bidang Sirah. Dalam kajian ini seramai enam orang murid yang terdiri daripada tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan yang telah dikenal pasti sebagai peserta kajian. Data kajian dikumpul melalui tiga jenis kaedah, iaitu temu bual, pemerhatian, serta analisis dokumen melalui lembaran kerja dan jurnal refleksi guru. Proses kajian ini dilaksanakan berdasarkan kepada Model Kurt Lewin. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru berjaya menambah baik amalan pengajarannya dengan penggunaan e-Komik dan dapat membantu murid menjelaskan isi kandungan Piagam Madinah dan minat terhadap pembelajaran sirah meningkat. Hasil kajian mendapati seramai empat orang peserta kajian telah berjaya menjelaskan semua isi kandungan Piagam Madinah dengan betul.

### **ABSTRAK PEMBENTANG KE-2**

THE EFFECTIVENESS OF USING BB TECHNIQUE IN ENHANCING CREATIVITY IN POETRY  
WRITING AMONG YEAR FIVE PUPILS

HUNG JUN FANG  
PENGKHUSUSAN TESL  
IPG KAMPUS BAHASA ANTARABANGSA, WILAYAH PERSEKUTUAN, KUALA LUMPUR.

### **ABSTRACT**

The action research aimed to explore the extent to which the BB technique is effective in promoting creativity in poetry writing among Year 5 pupils. The research participants comprised three Year 5 pupils from a primary school located in Selayang Utama, Selangor. The study involved the use of two teaching techniques which were the conventional and BB techniques. The instruments for the study consisted of tests, an interview protocol and journal entries. The results of the study showed that the BB technique was effective in enhancing Year 5 pupils' creativity in poetry writing. The main reason for its effectiveness was that the technique incorporated an element of mystery which drove pupils' motivation to learn and be daring.